

# Hakimi cipta rekod, Khairul hampa

**Kuala Lumpur:** Skwad olahraga negara terus cemerlang pada hari kedua pertandingan apabila atlet lompat kijang negara, Hakimi Ismail menghadihkan emas kelima negara di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017).

Paling manis, Hakimi berjaya memperbaharui rekod kebangsaan dan juga rekod temasya miliknya selepas melakukan lompatan



16.77 meter pada percubaan terakhirnya.

Rekod temasya sebelum ini 16.76 m dicipta Hakimi dua tahun di Sukan SEA Singapura.

Hakimi menewaskan atlet Filipina, Mark Harry Diones yang melakukan catatan 16.63m untuk pingat perak, manakala gangsa milik atlet Thailand, Pratchaya Tepparak meraih gangsa dengan catatan 16.37m.

Bayangan emas se-

akan-akan sudah pasti milik negara Hakimi melakar catatan 16.67m pada lompatan ketiga dan 16.74m pada lompatan keempat.

## Zaidatul raih perak kedua

Hakimi melengkapkan kejayaan skuad olahraga negara selepas kejayaan Elena Goh (jalan kaki) dan Jackie Wong (tukul besi) menghadihkan emas.

Begitupun, Raja pecut rantau ini, Khairul Hafiz Jantan gagal meneruskan rentak ce-

merlang dalam acara 200 meter apabila menamatkan larian di tempat keempat.

Anthony Beram dari Filipina muncul juara catat masa 20.84 saat, mengatasi atlet Thailand Jirapong Meenapra (21.22 saat) serta pelari negara, G Aravin Thevarr (21.26 saat) untuk berpuas hati dengan pingat perak dan gangsa.

Terdahulu, ratu pecut negara Zaidatul Husniah Zulkifli puas dengan pingat perak acara 200 meter.